

Umno tetap terima bekas ahli

25 AUG 1992

Oleh Khaidir Ahmad

KUCHING, Isnin — Umno masih membuka pintu kepada bekas ahlinya untuk kembali semula ke pangkuan parti walaupun sebelum ini mereka pernah menyertai kumpulan serpihan dan menyokong parti lain.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ia termasuk kepada bekas ahli Umno di Kelantan, walaupun ada pihak menutup pintu itu kerana khuatir mereka yang terbabit tidak jujur.

Menurutnya, pihak berkenaan mengambil tindakan menutup pintu itu kerana masih timbul keraguan di kalangan ahli untuk menerima mereka yang menyertai kumpulan serpihan dan menentang Umno dalam pilihanraya lalu.

"Kumpulan ini bukan saja tidak menyokong Umno sama sekali, malah menyebabkan kita kalah teruk di Kelantan hingga tidak ada satu kerusi pun yang dimenangi Umno kerana kegiatan mereka itu.

"Tetapi hari ini ramai daripada mereka sudah sedar kesalahan itu. Mereka bukan saja tidak mempunyai minat lagi menentang kita, malah ingin menyertai Umno semula dan kita membuka pintu kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian ketika merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, sikap terbuka dan bertolak ansur perlu diamalkan semua pihak kerana ia boleh menyelesaikan dan mengentasi masalah kepincangan dalam mana-mana masyarakat.

"Dalam perjuangan politik, ada masanya kita berkawan dan ada masanya kita berlawan. Yang menjadi kawan mungkin menjadi musuh, sebaliknya yang musuh mungkin menjadi kawan.

"Bagaimanapun, apabila kalah dalam perjuan-

gan ini, kita tidak kehilangan maruah kita. Sebaliknya, jika menang pula kita harus bermurah hati kepada mereka yang kalah," katanya.

Beliau juga memuji ketegasan dan keberanian Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, selaku Presiden PBB, dalam soal penerimaan semula bekas ahli yang dahulunya menentang parti itu.

Terdahulu, Abdul Taib dalam ucapannya berkata, PBB tidak harus menutup pintu kepada anggota kumpulan serpihan itu untuk selama-lamanya dan ahli parti peringkat bawah perlu menerima hakikat ini.

"Kita mesti mengamalkan sikap membuka pintu seperti yang kita lakukan dalam soal percantuman beberapa parti di Sarawak sebelum ini.

"Kita akan memastikan kejujuran ahli yang pernah berpaling tadah ini sebelum mereka diterima menyertai semula PBB," katanya.